

AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

SEMINAR PERBANDINGAN ANTARA
AKTA PERLINDUNGAN SAKSI (AKTA 696)
DAN
AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)

12 MEI 2015



**UNDANG-UNDANG
MALAYSIA**

LAWS OF MALAYSIA

**AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI
MAKLUMAT 2010**
(Akta 711)

WHISTLEBLOWER PROTECTION ACT 2010
(Act 711)



**Telah
mula berkuatkuasa
pada
15 Disember 2010**

PENGENALAN

“Suatu Akta untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta, serta untuk melindungi orang yang membuat pendedahan itu daripada tindakan yang memudaratkan....”

SEKSYEN 2 - TAFSIRAN

**“Kelakuan Tidak wajar (KTW)” –
Apa-apa tindakan atau peninggalan yang
menjadi suatu pelanggaran tatatertib
dalam badan awam atau swasta
sebagaimana yang diperuntukkan oleh
undang-undang atau dalam suatu
tatalaku, kod etika atau pekeliling atau
suatu kontrak kerja, mengikut mana-
mana yang berkenaan;”**

“Tindakan Yang Memudaratkan (TYM)”

- * Menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- * Ugutan atau gangguan;
- * Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian (diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib);
- * Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.

“maklumat sulit”

termasuklah-

- (a) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:
 - (i) pemberi maklumat (PM); dan
 - (ii) orang yang terhadapnya PM telah membuat pendedahan KTW
- (b) maklumat yang didedahkan oleh PM; dan
- (c) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang

‘No Wrong Door Policy’

- (1) Boleh bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.
- (2) Boleh berunding dengan menyebarkan risikan dan maklumat kepada agensi penguatkuasaan yang lain yang bersesuaian.
- (3) Tertakluk kepada seksyen 8 Akta.
- (4) Apabila diminta kerjasama bagi maksud melaksanakan Akta ini, segala bantuan yang perlu sebagaimana dikehendaki hendaklah diberikan.

SEKSYEN 6 (1)

Seseorang boleh membuat pendedahan KTW kepada mana-mana agensi penguatkuasaan berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW.

- * **Dengan syarat pendedahan itu tidak dilarang secara khusus oleh mana-mana undang-undang bertulis.**

SEKSYEN 7(1)

Sebaik sahaja PM membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasa, dia mendapat perlindungan berikut:

- (1) Perlindungan maklumat sulit;**
- (2) Kekebalan dari tindakan sivil dan jenayah; dan**
- (3) Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan (TYM).**

SEKSYEN 7 (1) (C)

Perlindungan terhadap TYM

Adalah termasuk atau dipanjangkan juga kepada mana-mana orang yang mempunyai hubungan atau kaitan dengan pemberi maklumat spt :

Isteri, anak, emak dan ayah, adik beradik, emak dan bapa mertua, adik beradik ipar, tunang, kekasih atau ...

SEKSYEN 8(2)

Maklumat sulit bukan sahaja tidak boleh didedahkan malah tidak boleh diperintahkan atau dikehendaki supaya didedahkan dalam mana-mana prosiding sivil, jenayah atau prosiding lain di mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain.

prosiding tersebut hendaklah menyembunyikan petikan/catatan itu daripada pandangan atau dipadamkan setakat yang perlu untuk melindungi Pemberi Maklumat daripada diketahui.

SEKSYEN 8(4)

Mana-mana orang samada pemberi maklumat sendiri atau penerima maklumat (pendedahan kelakuan tidak wajar) yang mendedahkan maklumat sulit, adalah melakukan kesalahan dan sekiranya disabitkan boleh didenda tidak melebihi **RM50K** atau penjara tidak melebihi **10 tahun** atau kedua-duanya.

SEKSYEN 9

**KEKEBALAN DARIPADA
TINDAKAN
SIVIL DAN JENAYAH**

SEKSYEN 10(6)

Mana-mana orang yang mengambil tindakan memudaratkan terhadap seseorang pemberi maklumat adalah melakukan suatu kesalahan yang sekiranya disabitkan membawa denda :

**** RM100K @ penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya.**

SEKSYEN 11 – PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- (a) Pemberi maklumat adalah salah seorang dari pelaku dalam kelakuan tidak wajar itu;**
- (b) Pemberi maklumat sengaja memberikan kenyataan material yang diketahuinya atau percaya adalah palsu atau dia sendiri tidak percaya sebagai benar;**
- (c) Pendedahan adalah remeh dan menyusahkan;**

- (d) Mempersoal dasar Kerajaan;
 - (e) Pendedahan dibuat dengan motif mengelak daripada dibuang kerja atau dikenakan tindakan tatatertib lain;

 - (f) Pemberi maklumat dalam perjalanan untuk membuat pendedahan atau untuk memberikan maklumat lanjut, melakukan kesalahan di bawah Akta ini.
- (cthnya: membuat kenyataan media, menghubungi stesen radio, post kat blog atau Facebook!!!)**

SEKSYEN 15 (1) - REMEDI

- (a) Ganti rugi atau pampasan;
- (b) Injunksi; atau
- (c) Apa-apa relief lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah

SEKSYEN 26 - GANJARAN

Agensi Penguatkuasa boleh memerintahkan apa-apa ganjaran yang difikirkan patut diberikan kepada pemberi maklumat yang membawa kepada pendakwaan atau sabitan ke atas orang yang melakukan kelakuan tidak wajar.

SEKIAN
TERIMA KASIH